



JABATAN PERDANA MENTERI  
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

## SYARAT KELAYAKAN BANTUAN WANG IHSAN KEMATIAN

*\*tertakluk kepada Garis Panduan NADMA Bil. 1 Tahun 2023: Tatacara Pemberian Bantuan Bencana di bawah NADMA (Pindaan Tahun 2024)*

- Diberikan bagi bencana alam utama iaitu **banjir, tanah runtuh, ribut/taufan, gempa bumi dan tsunami atau lain-lain bencana** yang diisytiharkan oleh JPBP/JPBN/JPBD mengikut Arahan NADMA NO.1.
- Mangsa bencana mestilah **warganegara Malaysia** dan mempunyai **Sijil Kematian** atau **Laporan Polis** atau **Laporan Kematian yang disahkan oleh Pegawai Perubatan**.
- Mangsa bencana hendaklah mangsa yang **meninggal dunia akibat kejadian bencana secara langsung** seperti mangsa yang lemas semasa banjir atau tertimbus semasa tanah runtuh dan lain-lain yang seumpamanya.
- Bantuan ini diberikan kepada waris mangsa bencana berdasarkan **bilangan ahli keluarga yang meninggal dunia akibat bencana**.
- Pemohon mestilah **warganegara Malaysia**.
- Pemohon mestilah **waris mangsa bencana** yang mempunyai **pertalian keluarga dengan mangsa bencana** dan mempunyai dokumen sokongan pertalian keluarga seperti Surat Nikah, Sijil Perkahwinan, Sijil Kelahiran dan lain-lain.
- Pemohon perlu **mendaftar nama dan maklumat peribadi mangsa bencana** serta pemohon kepada **ketua masyarakat**.



[www.nadma.gov.my](http://www.nadma.gov.my)

[f](#) Agensi Pengurusan Bencana Negara

[X](#) @myriadma

[@](#) NADMA\_Malaysia

[d](#) NADMA\_Malaysia



JABATAN PERDANA MENTERI  
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

## BANTUAN WANG IHSAN KEMATIAN

*\*tertakluk kepada Garis Panduan NADMA Bil. 1 Tahun 2023: Tatacara Pemberian Bantuan Bencana di bawah NADMA (Pindaan Tahun 2024)*

### SEMASA MUSIM MTL (NOVEMBER - MAC)

*\*tertakluk kepada pengumuman rasmi METMalaysia*

**RM 10,000  
KEMATIAN**

- Bantuan diberikan kepada **waris mangsa** yang meninggal dunia akibat bencana secara langsung.
- BWI Kematian hanya boleh dituntut oleh **seorang waris sahaja** kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana **semasa musim MTL**.

### DI LUAR MUSIM MTL (APRIL - OKTOBER)

**RM 10,000  
KEMATIAN**

- Bantuan diberikan kepada **waris mangsa** yang meninggal dunia akibat bencana secara langsung.
- BWI Kematian hanya boleh dituntut oleh **seorang waris sahaja** kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana **di luar musim MTL**.



[www.nadma.gov.my](http://www.nadma.gov.my)

[f](#) Agensi Pengurusan Bencana Negara

[X](#) @myriadma

[@](#) NADMA\_Malaysia

[d](#) NADMA\_Malaysia



JABATAN PERDANA MENTERI  
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

## PROSEDUR PEMBERIAN BANTUAN WANG IHSAN

*\*tertakluk kepada Garis Panduan NADMA Bil. 1 Tahun 2023: Tatacara Pemberian Bantuan Bencana di bawah NADMA  
(Pindaan Tahun 2024)*



[www.nadma.gov.my](http://www.nadma.gov.my)



Agensi Pengurusan Bencana Negara



@myriadma



NADMA\_Malaysia



NADMA\_Malaysia